



Budaya toleransi kekang keganasan

Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Konsep toleransi merujuk kepada penghormatan, penerimaan dan penghargaan terhadap kepelbagaiannya budaya, bentuk ekspresi serta cara untuk menjadi manusia.

Dukacita bagi kita pada hari ini apabila sikap toleransi semakin hilang. Budaya tidak toleran ini adalah antara penyebab kepada berlaku keganasan, pembunuhan beramai-ramai, konfrontasi serta penindasan agama.

Ia boleh jadi bermula daripada sikap perkauman, etnik, agama ataupun ideologi yang berbeza serta

kadang-kadang ia bermula daripada politik dan sosial. Walau apa pun penyebabnya, sikap tidak toleran ini boleh memudarangkan dalam setiap situasi.

Persoalannya, bagaimakah kita boleh menyelesaikan masalah sikap tidak toleran ini? Bagaimana pula kita boleh membawa sikap toleransi kembali kepada dunia hari ini?

Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menggariskan prinsip toleransinya iaitu: "Konsisten dalam menghormati hak asasi manusia.

"Mempraktikkan sikap toleransi bukanlah

bermaksud kita bertoleransi terhadap ketidakadilan sosial mahupun mengabaikan serta melemahkan kepercayaan ataupun keyakinan seseorang. Mengamalkan sikap toleransi bermaksud kita bebas untuk mempraktikkan kepercayaan peribadi kita di samping menerima bahawa orang lain juga bebas untuk mempraktikkan keyakinan mereka.

"Kita seharusnya berlapang dada serta menerima bahawa setiap manusia itu berbeza dalam penampilan, situasi, ucapan, perilaku dan nilai mereka.

"Setiap manusia mempunyai hak yang sama

untuk hidup dalam keadaan damai serta menjadi diri mereka sendiri. Oleh itu, setiap pandangan kita tidak boleh dipaksa kepada orang lain."

Toleransi adalah satu daripada prinsip asas dalam menjadi seorang Muslim. Seorang yang beragama dan bermoral seharusnya mempunyai sikap toleransi.

Menjadi Muslim yang mempunyai sikap toleransi bukan bermaksud berkurangnya keyakinan kita terhadap agama Islam. Ia lebih kepada bagaimana kita berinteraksi dengan anggota masyarakat yang lain.

Toleransi itu datang daripada pengiktirafan kita terhadap:

- Maruah seorang manusia

- Kesamarataan asas semua manusia

- Hak asasi manusia

- Kebebasan berfikir, kepercayaan serta memberi pandangan Islam menjadi agama yang pertama dalam membela maruah setiap manusia tanpa mengambil kira bangsa, agama, warna kulit, bahasa maupun etnik seseorang.

Syariat Islam mengiktiraf hak dan kebebasan untuk hidup, harta, maruah keluarga serta pandangan daripada setiap manusia.

Malah, satu daripada asas Islam ialah tidak adanya paksaan. Yang perlu ialah memberikan penerangan dan dakwah kepada orang ramai dengan cara yang baik dan bijaksana serta dengan contoh amalan baik

menurut ajaran Islam sebenarnya.

Allah berfirman maksudnya: "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur)...” (Surah al-Baqarah, ayat 256)

Umat Islam disuruh untuk bertolak ansur dalam banyak perkara. Namun, Islam melarang Muslim untuk bertoleransi dalam penindasan, ketidakadilan serta pencabulan hak asasi manusia.

Sesungguhnya membentuk masyarakat yang bertoleransi menjadi keperluan kita pada hari ini demi membina masa depan yang lebih baik.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM